

Kerajaan akan terus laksana projek: PM

IPOH, Khamis — Kerajaan akan terus wujud dan melaksanakan pelbagai projek di negara ini untuk menambahkan peluang pekerjaan dan kesejahteraan hidup rakyat walaupun menghadapi kemelesetan ekonomi.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata keadaan itu bukanlah disengajakan tetapi disebabkan pasaran dunia merosot dan kerajaan tidak akan berdiam diri untuk mengatasinya supaya rakyat tidak menderita.

Beliau berkata, pelbagai projek dan peluang pekerjaan yang sudah dan akan diwujudkan adalah antara usaha-usaha kerajaan bagi memastikan rakyat tidak menghadapi keadaan buruk.

Menurut beliau, kerajaan meluluskan peruntukan bagi pembinaan jalan raya dan kemudahan lain bagi kesenangan penduduk luar bandar dan golongan miskin di bandar.

"Kini pelbagai kontrak kecil dan bidang perniagaan pula diwujudkan semata-mata untuk memberi pekerjaan kepada rakyat yang masih menganggur," katanya.

Selain itu, pembinaan Lebuhraya Bukit Kayu Hitam ke Johor Bahru bertujuan membuka lebih banyak peluang pekerjaan.

"Kerajaan pada bila-bila masa boleh melupakan sahaja pembinaan lebuhraya itu jika pi-

hak pembangkang atau golongan tertentu menganggap ia satu pembaziran.

"Tetapi pembatalannya akan merugikan beribu-ribu rakyat yang berpeluang bekerja melaluinya," katanya.

Perdana Menteri juga membidas golongan yang menganggap pembinaan Jambatan Pulau Pinang satu pembaziran dan yang tidak akan terjadi.

Kata beliau, pembinaan itu sebenarnya dirancang sejak pemerintahan Allahyarham Tun Razak dan secara kebetulan perlaksanaan dibuat ketika ekonomi meleset.

Elektrik

"Perlaksanaannya juga melenyapkan segala keraguan terhadap keupayaan negara, tetapi kini mereka memutarbelitkan dengan mengatakan ia satu pembaziran," tambahnya.

Datuk Seri Dr Mahathir menekankan, kerajaan sentiasa memandang berat masalah rakyat dan akan berusaha sedaya upaya mengatasinya.

"Saya sedar ramai rakyat dibuang kerja disebabkan penutupan lombong, kilang tekstil dan lain-lain," katanya.

Sehubungan itu kerajaan sudah, sedang dan akan mengkaji beberapa aspek seperti penurunan bayaran elektrik di sektor tekstil supaya perusahaan itu dapat terus beroperasi.

Kerajaan juga akan menurunkan harga pelbagai jenis barang sekiranya harga barangan itu di pasaran dunia turun.

Bagaimanapun, Perdana Menteri yakin usaha yang dijalankan oleh kerajaan tidak akan berjaya sekiranya tidak ada sokongan penuh rakyat.

Untuk itu, perpaduan adalah penting dan ia memerlukan pengorbanan demi kebaikan negara serta rakyat.

Beliau mengingatkan orang ramai bahawa ada orang tertentu yang tidak senang dengan kemajuan dan perpaduan yang dicapai.

Irihati

"Malah ada negara-negara luar yang irihati dengan perpaduan yang wujud di negara kita sedangkan mereka gagal melakukannya," katanya.

Oleh itu, beliau mengingatkan orang ramai adanya golongan tertentu yang cuba menggagalkan usaha kerajaan.

"Anehnya mereka tidak berani bermain politik, sebaliknya bersembunyi dalam pelbagai pertubuhan untuk menghentam kerajaan," katanya.